

## **PANDUAN PERUBAHAN MAKLUMAT PERNIAGAAN**

### **Syarat-syarat mendaftarkan perubahan perniagaan**

1. Dibawah peruntukan seksyen 5B, APP 1956 jika berlaku perubahan dalam sesuatu perniagaan berdaftar dalam masa 30 hari perlu mengemukakan kepada Pendaftar/SSM perubahan yang berlaku.
2. Perubahan maklumat perniagaan yang boleh didaftarkan adalah seperti:
  - i) Perubahan Alamat Perniagaan
  - ii) Perubahan Jenis Perniagaan
  - iii) Perubahan Maklumat Cawangan
  - iv) Perubahan Maklumat Pemilikan  
(Kemasukan/Tarikdiri/KematianRakan kongsi)
3. Merujuk kepada perkara 2 (iv) kemasukan rakan kongsi mestilah warganegara Malaysia atau Penduduk Tetap dan berumur 18 tahun dan ke atas.

### **Prosedur Pendaftaran Perubahan Perniagaan**

4. Pemohon boleh mengemukakan permohonan secara atas talian di [ezbiz.ssm.com.my](http://ezbiz.ssm.com.my). Pemohon perlu berdaftar sebagai pengguna Ezbiz Online terlebih dahulu, kemudian hadir sekali sahaja di pejabat SSM terdekat untuk pengesahan identiti pemilik bagi tujuan keselamatan pengguna perkhidmatan Ezbiz Online. Sila rujuk [Tatacara Mendaftar Akaun Pengguna Ezbiz](#) dan [Tatacara Pengguna Ezbiz Mendaftar Perubahan maklumat Perniagaan](#).
5. Sila lampirkan/"upload" dalam sistem ezbiz dokumen (berkaitan sahaja) seperti berikut:
  - 5.1 Salinan sijil kematian rakankongsi/pemilik yang disahkan oleh pegawai suruhanjaya sumpah atau pekerja SSM yang ditentukan oleh Pendaftar/SSM.
  - 5.2 Surat kebenaran/pengesahan daripada agensi berkaitan, jika pertambahan jenis/aktiviti perniagaan yang perlu kelulusan agensi berkenaan.

6. Perniagaan berdaftar yang belum tamat tempoh perakuan pendaftaran sahaja dibenarkan mendaftarkan perubahan. Sila buat pembaharuan jika perakuan pendaftaran telah tamat tempoh.

7. Perubahan Jenis/aktiviti perniagaan yang didaftarkan mestilah bersesuaian dengan nama perniagaan, tidak menyalahi undang-undang, tidak bersesuaian dengan keselamatan persekutuan, ketenteraman awam atau prinsip moral.

8. Perubahan tambahan Cawangan yang didaftarkan mestilah tidak sama dengan alamat utama perniagaan dan cawangan lain yang telah didaftarkan

9. Perubahan pemilikan perniagaan, terdapat beberapa senario proses perlu dipatuhi:

9.1 Perniagaan berdaftar sebagai "tred name" boleh melakukan perubahan pemilikan, manakala perniagaan menggunakan nama sendiri seperti di kad pengenalan (MyKad atau MyPR) tidak boleh melakukan perubahan pemilikan.

9.2 Pemilikan tunggal ke perkongsian proses biasa iaitu kemasukan rakankongsi dengan had pemilikan perkongsian sesuatu perniagaan 20 orang sahaja.

9.3 Pemilikan perkongsian ke pemilikan tunggal proses biasa iaitu hanya tinggal satu rakan kongsi, dimana rakan kongsi lain tarikdiri atau kematian (Permohonan perlu dilakukan oleh rakan kongsi yang tinggal di dalam perniagaan tersebut)

9.4 Pemilikan tunggal atau perkongsian, ingin keluar serentak dengan kemasukan rakankongsi baru, dimana **proses pendaftaran perlu dilaksanakan 2 kali daftar** iaitu pertama perlu daftar rakan kongsi baru dan kedua perlu daftar tarikdiri sebagai rakan kongsi.

10. **Perniagaan perkongsian** berdaftar sahaja, sesuatu perubahan maklumat perniagaan yang dilakukan melalui Ezbiz Online, semua rakan kongsi akan menerima notis pemakluman berkaitan perubahan yang dilakukan. Rakan kongsi perlu buat mengesahan di portal Ezbiz Online. Selepas pengesahan dibuat oleh rakan kongsi, baru pembayaran boleh dibuat dan dihantar untuk di proses.

11. Merujuk kepada perkara 10, jika perniagaan berdaftar status perkongsian, dimana jika ada rakan kongsi belum aktif sebagai pengguna ID Ezbiz Online (rujuk perkara 4), perubahan maklumat perniagaan yang hendak didaftarkan tidak boleh dilakukan.

## **Fi Pendaftaran**

12. Berikut adalah Fi Pendaftaran perubahan maklumat perniagaan seperti berikut:

- i) RM 20 - Pendaftaran perubahan Maklumat Perniagaan
- ii) RM 5 - Setiap penambahan Cawangan
- iii) RM 10 - Maklumat Perniagaan

## **Panduan AM**

13. Seseorang yang meneruskan perniagaan tanpa mengemukakan perubahan tersebut adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP1956) dan jika disabitkan kesalahan dikenakan denda tidak melebihi RM 10,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi satu(1) tahun atau kedua-duanya.

14. Sebarang pertanyaan lanjut boleh hubungi pusat panggilan SSM di talian 03-77214000 atau emel ke [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my).